



NORASHIKIN (duduk, lima dari kiri) pada majlis perasmian penutup program PROTÉGÉ sempena Karnival Kerjaya 'University to Industries' di UMP, Kampus Gambang, Kuantan, Pahang baru-baru ini.



NORASHIKIN bersama Md. Sharif (tengah) dan Yuserie (kanan) pada majlis perasmian penutup program PROTÉGÉ sempena Karnival Kerjaya 'University to Industries' di UMP, Kampus Gambang, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

PROTÉGÉ komited bantu gilap potensi golongan belia

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

KUANTAN - Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) menerusi program Professional Training & Education Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) komited menyediakan bimbingan keusahawanan kepada semua belia yang berminalat memajukan diri.

Ketua Sekretariat PROTÉGÉ, Norashikin Ismail berkata, program bimbingan serta latihan kemahiran keusahawanan itu disediakan kepada golongan belia sejurus mereka tamat persekolahan.

"Melalui PROTÉGÉ, kita membuka fokus yang lebih luas yang mana bukan hanya untuk pelajar universiti sahaja, tetapi kita turut memberi tumpuan

kepada pelajar yang baru tamat persekolahan.

"Semua agensi di bawah MED akan memberi bantuan kepada para belia yang berminalat untuk menjadi usahawan dan seterusnya memberi bantuan dalam bentuk kewangan ataupun latihan," kata beliau.

Norashikin berkata demikian pada sidang media sejurus perasmian penutup PROTÉGÉ sempena Hari Karnival Kerjaya di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang di sini yang diadakan pada Sabtu lalu.

Hadir merasmikan majlis penutup ialah Ahli Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Md. Sharif Shamsuddin mewakili Naib Canselor UMP, Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Prof Datuk Dr. Yuserie Zainuddin.

Selepas merekodkan kehadiran kira-kira 3,000 pelajar ketika program di UMP pada 5 dan 6 April lalu, sempena PROTÉGÉ Reach Out & Awareness juga bakal menemui pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan yang dijadualkan Jumaat dan Sabtu ini.

Sepanjang April juga, PROTÉGÉ akan turut diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UiTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

PROTÉGÉ seterusnya ba-

kal menemui pelajar-pelajar Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sehingga minggu terakhir bulan ini.

PROTÉGÉ yang dilancarkan pada 28 Januari lalu merupakan program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sebagai platform bimbingan industri untuk golongan belia dengan kerjasama pemain-pemain industri di seluruh negara.

Ia juga merupakan platform melahirkan usahawan belia kompetitif dan sedia bersaing di peringkat antarabangsa serta menggilap potensi tenaga kerja berkemahiran yang me-

menuhi keperluan industri.

Ujar Norashikin lagi, para graduan serta lepasan sekolah turut berpeluang menyertai latihan industri yang menawarkan eluan sehingga RM2,000 sebulan selama tempoh maksimum setahun di bawah program PROTÉGÉ.

"Melalui program PROTÉGÉ di universiti-universiti awam juga, kita membawa syarikat-syarikat atau majikan yang mengendalikan proses temuduga terbuka.

"Sebelum memulakan perniagaan sendiri, mereka boleh bekerja terlebih dahulu selama beberapa tahun untuk mendapat pengalaman dan kemahiran. Kami juga amat bersungguh-sungguh untuk membantu belia Malaysia," katanya.